

**Raja Perlis Saran Majlis Agama Islam Kaji Inisiatif Baru
Bernama
27 Februari , 2012**

KANGAR, 27 Feb (Bernama) -- Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail menyaran agar Majlis Agama Islam di seluruh negara mengkaji inisiatif baru bagi memperkukuh keupayaannya terutama dalam sektor ekonomi dan pendidikan.

Menurut baginda, bagi mencapai hasrat itu Majlis-majlis Agama perlu menganalisis isu dalam bidang ekonomi dan pendidikan mengikut perkembangan semasa.

Bertitah merasmikan Konvensyen Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan 2012 di sini Isnin, baginda berharap Majlis-majlis Agama juga sentiasa merebut peluang dalam pelbagai bidang yang ada.

"Kedudukan Majlis-majlis Agama di bawah naungan Raja-raja adalah jaminan bahawa dasar-dasar yang dirangka lahir daripada insitiasi yang dihormati rakyat," titah baginda.

Tuanku Syed Sirajuddin juga mahu Majlis-majlis Agama mencari kecemerlangan dalam semua usahanya selain memerlukan iltizam bersama bagi memantapkan perpaduan umat Islam.

Konvensyen dua hari itu anjuran bersama kerajaan negeri Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) disertai lebih 300 peserta.

Ia merupakan susulan dari Kongres Majlis Agama Islam Negeri seluruh Malaysia yang kali pertama berlangsung di Kuala Lumpur pada September tahun lalu dengan disertai 1,351 perwakilan.

Dua kertas kerja dibentangkan hari ini yang bertajuk "Transformasi Pendidikan Teknikal di Malaysia: Pengalaman Universiti Malaysia Perlis" yang disampaikan oleh Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin.

Turut dibentangkan ialah kertas kerja bertajuk "Majlis Agama Islam Negeri Pemacu Pendidikan Ummah" yang disampaikan bersama oleh Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam, Prof Datuk Dr Ismail Ibrahim dan Mufti Perlis, Dr Juanda Jaya.

Dua lagi kertas kerja akan dibentangkan esok iaitu "Transformasi Pendidikan Islam peringkat kebangsaan" oleh Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam, Prof Dr Mohd Yusof Othman dan "Penyeragaman Pendidikan Islam: Realtiti dan Cabaran" oleh bekas Ketua Pengarah Jakim, Datuk Wan Mohamad Wan Abdul Aziz.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Yang Dipertua MAIPs turut berangkat. Yang turut hadir ialah Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648217>